



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**
Shaping the Future

E-ISSN: 2682-7948

Buletin APB

EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Pemeriksaan Penyediaan Proposal Pelajar Tahun Akhir: Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS)

**DR. NURUL AUNI ZAINAL ABIDIN & PROF MADYA TS CHM DR. SHEIKH AHMAD
IZADDIN SHEIKH MOHD GHAZALI**
UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Proposal adalah suatu penulisan sistematik dan terperinci untuk memohon cadangan penyelidikan atau rancangan penyelidikan yang akan dijalankan. Dalam konteks pelajar tahun akhir, proposal dibuat untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan jawatankuasa penilai di peringkat jabatan/ fakulti sebelum sesuatu tesis dibenarkan untuk ditulis. Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) pada sesi semester pengajian Mac-Ogos 2023 mempunyai seramai 40 orang pelajar yang mendaftar bagi kod kursus Cadangan Penyelidikan (FSG631). Justeru itu, inisiatif untuk memperkasakan asas di dalam penulisan proposal telah dilaksanakan oleh Penyelaras Cadangan Penyelidikan FSG631 iaitu Dr. Nurul Auni binti Zainal Abidin dan mendapat sokongan penuh oleh Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Sheikh Ahmad Izaddin Sheikh Mohd Ghazali selaku Koordinator Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) untuk mengadakan bengkel yang dinamakan Bengkel Pemeriksaan Kertas Cadangan Penyelidikan (FSG631).

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah bertujuan memberikan penekanan terhadap kaedah penulisan proposal yang berkesan di samping memberi pendedahan kepada pelajar tentang penggunaan templat baru Kertas Cadangan Penyelidikan 2.0 dan format yang telah ditetapkan oleh Fakulti. Bengkel ini telah dijalankan secara hands-on oleh beberapa penceramah yang terdiri daripada pensyarah kanan daripada PPKAS dan pustakawan UiTM Kampus Seremban. Bengkel diadakan secara berperingkat dan terdiri daripada beberapa siri seperti di dalam Jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0: Jadual Bengkel Pemeriksaan Kertas Cadangan Penyelidikan (#K2K Series 9 -16)


BIL	PENCERAMAH	TAJUK	TARIKH
1.	Dr. Nurul Auni binti Zainal Abidin	Briefing on Assessment & Guidelines	31 Mac 2023
2.	ChM. Nurul 'Ain Jamion	New Template Research Proposal 2.0	7 April 2023
3.	En. Ahmad Husaini Mohamed	- How to Write Scientific Review? - Reference by Mendeley	12 April 2023 19 Mei 2023
4.	Dr. Nor Monica Ahmad	How to Write a SMART objective for Research Proposal?	5 Mei 2023
6.	ChM Dr. Norliza Dzakaria	How to Produce a Concise Executive Summary?	12 Mei 2023
5.	En. Syaiful Hisyam bin Saleh	Avoiding Predatory Journals	26 Mei 2023
7.	ChM Dr. Siti Syaida Sirat	Cultivate a Good Reseacher	2 Jun 2023

Bengkel yang telah dijalankan telah memberikan impak yang positif terhadap pelajar melalui analisa kajian keberkesanan program di mana dapatan menunjukkan 99% pelajar sangat berpuas hati bahawa Bengkel Pemeriksaan Kertas Cadangan Penyelidikan dapat membantu mereka untuk penulisan proposal di samping kandungan setiap siri yang dilaksanakan adalah tersusun dan mudah difahami.


Secara keseluruhan, objektif-objektif yang disasarkan telah tercapai dan semua pelajar telah berjaya menyiapkan proposal dengan cemerlang di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Harapan utama kepada semua pelajar FSG631 adalah mereka dapat menghasilkan tesis yang berimpak tinggi untuk semester seterusnya.



Gambarajah 1.0: Poster Bengkel Pemeraksanaan Kertas Cadangan Penyelidikan (#K2K Series 9 -16)



Rajah 1.0: Gambar sekitar Bengkel Pemeraksanaan Kertas Cadangan Penyelidikan (#K2K Series 9 -16)



Rajah 2.0: Keratan penambahbaikan dan cadangan oleh pelajar berkenaan dengan Bengkel Pemeraksanaan Kertas Cadangan Penyelidikan (#K2K Series 9 -16)